

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 13/9/2008

## UMNO Cheras jemput Dr. M jadi ahli *um-13/9/2008*

KUALA LUMPUR 12 Sept. - UMNO Bahagian Cheras menjemput bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berhasrat menyertai semula parti berkenaan untuk menjadi ahli di bahagian itu.

Ketuanya, Datuk Syed Ali Alhabshee berkata, pihaknya memberikan kebebasan kepada beliau untuk memilih mana-mana cawangan yang diinginkan.

"Hubungan UMNO Bahagian Cheras dengan Tun Dr. Mahathir dan isteri, Toh Puan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali sudah sekian lama terjalin.

"Atas dasar itu, maka kita sedia untuk menerima keahlian Tun Dr. Mahathir sebagai ahli UMNO Bahagian Cheras," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mei lalu, Dr. Mahathir membuat kejutan apabila mengumumkan keluar daripada UMNO berkuat kuasa serta-merta.

Katanya, bekas Perdana Menteri itu adalah tokoh terbilang yang segala pengalamannya masih boleh dimanfaatkan demi kepentingan masa depan UMNO, umat Melayu dan negara.

Katanya, segala pandangan dan teguran yang pernah diutarakan oleh Dr. Mahathir kepada perjalanan parti dan pentadbiran kerajaan adalah bermatlamat untuk membawa kebaikan serta melicinkan jentera pentadbirannya.